

**KONFLIK PEMISAH DI SELATAN THAILAND:
ISU, AKTOR DAN PENYELESAIAN**

CHE MOHD AZIZ BIN YAACOB

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2009**

**KONFLIK PEMISAH DI SELATAN THAILAND:
ISU, AKTOR DAN PENYELESAIAN**

oleh

CHE MOHD AZIZ BIN YAACOB

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

September 2009

PENGHARGAAN

Bismilahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan limpah hidayahNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) dan para sahabat baginda kerana membawa petunjuk dan iman kepada sekalian umat Islam.

Pertamanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Askandar dan keluarga kerana memberi bimbingan, bantuan dan semangat semenjak mendaftar sebagai pelajar Sarjana di Universiti Sains Malaysia yang tercinta ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan di Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian (UPPP), Universiti Sains Malaysia kerana selama ini tidak berbelah bagi memberi semangat, dorongan dan kemudahan kepada saya sepanjang proses penyediaan tesis ini.

Tesis ini adalah khas buat al-marhum ayahanda, Haji Yaacob bin Yussoff yang telah kembali ke rahmatullah pada Mac 2006 (al-Fatihah) dan bonda tercinta Hajah Aminah Binti Ahmad. Tidak lupa juga ucapan kasih dan sayang buat isteri dan anak-anak tercinta Pn. Norli binti Mahmood, Puteri Nadia Danish dan Putera Hariz Danish yang selama ini menjadi sumber kekuatan dan inspirasi untuk menyiapkan tesis ini. Begitu juga adik-beradik yang selama ini memberi dorongan dan semangat untuk melihat saya berjaya.

Sumbangan kalian amat bernilai buat saya dan hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Disini saya berdoa kepadaNya semoga anda semua dirahmati dan berjaya di dunia dan Akhirat. Wasalam.

Peace Unit, USM. 2009

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI KOTAK	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI ABREVIASI	x
SENARAI LAMPIRAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Komposisi Penduduk	4
1.1.2 Sejarah Konflik	9
1.1.3 Insiden dan Peristiwa	14
1.1.4 Sorotan Karya	19
1.2 Teori Konflik dan Penyelesaian Konflik Pemisah	25
1.2.1 Konflik Pemisah	25
1.2.2 Pengurusan dan Penyelesaian Konflik Pemisah	28
1.3 Pernyataan Masalah	32
1.4 Objektif Penyelidikan	36
1.5 Persoalan Kajian	36
1.6 Metodologi Penyelidikan	36
1.6.1 Kaedah Pengumpulan Data	36
1.6.2 Jenis, Bentuk dan Sumber Data	37
1.6.3 Penganalisaan Data	39
1.6.4 Skop dan Batasan Kajian	40
1.7 Motivasi Terhadap Penyelidikan	41
1.8 Penerangan Dalam Semua Bab	42

BAB DUA: KONSEP KONFLIK, KONFLIK PEMISAH DAN PENYELESAIAN

2.1	Pengenalan	45
2.2	Konflik	46
2.2.1	Definisi	46
2.2.2	Teori Pelbagai Penyebab Konflik	47
2.2.3	Segitiga Konflik	50
2.2.4	Lima Pendekatan dan Kedudukan Pihak yang Berkonflik	54
2.2.5	Keputusan 'Zero-sum' dan 'Non-zero-sum'	57
2.2.6	Penjenisan Konflik	59
2.2.7	Hubungan Simetrik dan Asimetrik	61
2.3	Konflik Pemisah	62
2.3.1	Definisi	62
2.3.2	Segitiga Konflik dan Konflik Pemisah	64
2.3.3	Isu-isu Kritis Dalam Konflik Pemisah	67
2.3.3 (a)	Kekuasaan	68
2.3.3 (b)	Budaya dan Agama	72
2.3.3 (c)	Identiti	74
2.3.4	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Sesuatu Kumpulan Etnik Bangkit Memberontak	75
2.3.5	Struktur dan Budaya Keganasan	76
2.4	Penyelesaian Konflik	77
2.4.1	Definisi	77
2.4.2	Penyelesaian Konflik Pemisah	78
2.4.2 (a)	Pencegahan Konflik Keganasan	78
2.4.2 (b)	Pencegahan Konflik Dalaman Negara	78
2.4.2 (c)	Transformasi Konflik dan Konflik Asimetrik	80
2.4.2 (d)	Negosiasi atau Perundingan	86
2.4.3	Pendekatan Pencegahan, Pengawalan dan Penamatan Konflik	88

2.4.4 Pendekatan ‘ <i>Peacemaking</i> ’ dan ‘ <i>Peacebuilding</i> ’, dan ‘ <i>Peace Keeping</i> ’ dan ‘ <i>Peace Monitoring</i> ’	92
---	----

BAB TIGA: ISU-ISU KONFLIK DAN FAKTOR KEBANGKITAN 2004

3.1 Pengenalan	101
3.2 Identiti	101
3.3 Politik	106
3.4 Pendidikan	115
3.5 Ekonomi	118
3.6 Kemerdekaan	123
3.7 Perkembangan Konflik Tahun 2004	128
3.7.1 Faktor-faktor Kebangkitan	128
3.7.2 Insiden-insiden Selepas Peristiwa Januari 2004	136
3.7.3 Implikasi Kepada Kebangkitan Konflik	144
3.8 Kesimpulan	146

BAB EMPAT: AKTOR-AKTOR KONFLIK

4.1 Pengenalan	147
4.2 Kerajaan Thailand	147
4.3 Kumpulan Gerakan Pemisah	152
4.3.1 Pengenalan	152
4.3.2 Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP)	152
4.3.3 Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN)	158
4.3.4 <i>Pattani United Liberation Organization</i> (PULO)	163
4.3.5 <i>New PULO</i>	168
4.3.6 <i>United Front for the Independence of Patani</i> (BERSATU)	169
4.3.7 Barisan Bersatu Mujahidin Patani (BBMP)	170
4.3.8 Gerakan-gerakan lain	173
4.4 Aktor-aktor Semasa dan Selepas Januari 2004	174

4.5	Kesimpulan	182
-----	------------	-----

**BAB LIMA: PENGURUSAN KONFLIK DI SELATAN THAILAND:
SEJARAH DAN PROSES TERKINI**

5.1	Pengenalan	183
5.2	Pengurusan Konflik Selepas Perang Dunia Kedua Sehingga Tahun 2006	183
5.3	Pengurusan dan Penyelesaian Konflik Pemisah	196
5.3.1	Pengurusan Konflik dan Tindak Balas	196
5.3.2	Kesan Pengurusan dan Penyelesaian Konflik	200
5.3.3	Campur Tangan Pihak Luar	203
5.4	Kesimpulan	209

**BAB ENAM: SELATAN THAILAND DAN KONFLIK PEMISAH:
SATU ANALISIS TERHADAP KONFLIK, AKTOR-AKTOR, ISU-ISU
DAN PENYELESAIAN**

6.1	Pengenalan	210
6.2	Latar Belakang Konflik Selatan Thailand	210
6.2.1	Pengesahan Penjenisan Konflik Terbaru	210
6.2.2	Jenis-jenis Perubahan yang Berlaku	212
6.3	Peranan Aktor-aktor Dalam Peningkatan Konflik	216
6.4	Isu-isu Sebagai Tunjang Konflik	220
6.4.1	Kuasa Sebagai Rebutan Utama	220
6.4.2	Signifikan Budaya dan Agama Dalam Perjuangan	222
6.4.3	Transformasi Identiti	223
6.4.4	Diskriminasi Ekonomi dan Politik	225
6.5	Pengurusan dan Penyelesaian Konflik	226
6.5.1	Langkah dan dasar yang Dilaksanakan	226
6.5.2	Signifikan Dasar Pengurusan Konflik	232

6.5.3	Pendominasian	235
6.5.3 (a)	Perluasan kuasa, Asimilasi dan Intergrasi	235
6.5.3 (b)	Penangkapan dan Pembunuhan	238
6.5.4	Perundingan	242
6.5.5	Kesimpulan	245

**BAB TUJUH: KONFLIK PEMISAH DI SELATAN THAILAND:
KESIMPULAN DAN CADANGAN**

7.1	Pengenalan	247
7.2	Pengekalan Konflik Jenis Pemisah	247
7.3	Kewujudan Aktor-aktor Baru dan Peranan Aktor Lama	248
7.3.1	Kepentingan	248
7.3.2	Strategi	250
7.4	Isu-isu yang Saling Mempengaruhi	251
7.5	Pendekatan Dalam Pengurusan Konflik	252
7.5.1	Tahap Kekuatan Dalam Pengurusan Konflik	252
7.5.2	Cadangan-cadangan Penyelesaian	254
7.5.3	Tanggapan Masa Depan Melalui Pemerhatian	259
7.6	Perkembangan Semasa	261
7.7	Perlaksanaan dan Penerusan Penyelidikan Bagi Masa Depan	263
	SENARAI RUJUKAN	265
	LAMPIRAN	275

SENARAI KOTAK

	Muka surat
Kotak 1.1 Pecahan Kategori Responden untuk Ditemubual	38
Kotak 3.1 Kedudukan Keluaran Negara Kasar Thailand (1996 & 1999)	119
Kotak 3.2 Sumbangan Setiap Sektor dalam Pendapatan Negara Thailand (1996, 1999 & 2000)	119
Kotak 3.3 Perbandingan Keganasan Antara Wilayah Dalam Masa 10 Tahun	137
Kotak 3.4 Insiden Keganasan Berdasarkan Wilayah dan Taktik Tahun 2004-2005	138
Kotak 3.5 Perbandingan Jumlah Mangsa Mengikut Agama Antara Tahun 2004-2007	139
Kotak 3.6 Senarai Insiden di Wilayah Patani	140
Kotak 3.7 Senarai Insiden di Wilayah Yala	141
Kotak 3.8 Senarai Insiden di Wilayah Narathiwat	142
Kotak 3.9 Senarai Insiden di Wilayah Songkhla	143

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 2.1 Segitiga dalam Perhubungan Pihak Berkonflik	50
Rajah 2.2 Lima Pendekatan dalam Konflik	55
Rajah 2.3 Keputusan-keputusan ' <i>Zero-sum</i> ' dan ' <i>Non-zero-sum</i> '	58
Rajah 2.4 Transformasi konflik asimetrik	83

SENARAI ABREVIASI

ABIM	: Angkatan Belia Islam Malaysia
ABREP	: Angkatan Bersenjata Revolusi Patani
ABRI	: Gerakan Bersenjata Republik Indonesia
ACASBP	: <i>Administrative Center for the Administration of Southern Border Provinces</i>
AFP	: <i>Agence France-Presse</i>
ASEAN	: <i>Association of Southeast Asian Nations</i>
Bath	: Nama Mata Wang Thailand
BBMP	: Barisan Bersatu Mujahidin Patani
BERSATU	: <i>United Front for the Independence of Pattani</i>
BIPP	: Barisan Islam Pembebasan Patani
BNPP	: Barisan Revolusi Nasional Pembebasan Patani
BRN	: Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani
C.I	: <i>Citizen International</i>
CPM-43	: <i>Civilian-Police-Military Task Force 43</i>
CSPPP	: <i>Committee on Southern Thailand Provinces Peace-Building Policy</i>
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
DEWAN	: Dewan Gerakan Pembebasan Patani
DPP	: Dewan Pimpinan Pusat
GEMPAR	: Gabungan Melayu Patani Raya
GMIP	: Gerakan Mujahideen Islamiya Pattani
GURBAN	: <i>Briged Gerila Bandar</i>
ICJ	: <i>International Commission of Jurist</i>

IMT-GT	: <i>Malaysia-Indonesia-Thailand Growth Tringle</i>
ISA	: <i>Internal Security Act 1960</i>
JDA	: <i>Malaysia-Thailand Joint Development Area</i>
JDS	: <i>Joint Development Strategy</i>
JI	: Jemaah Islamiah
JIM	: Jemaah Islam Malaysia
KDNK	: Keluaran Dalam Negara Kasar
KMM	: Kumpulan Mujahideen Malaysia
KOGAP	: B.R.N Kongres
MAGERAD	: Majlis Gerakan Revolusi Dalam Negeri
MAIP	: Majlis Agama Islam Patani
MERCY	: <i>Medical Emergency Relief Charity</i>
MILF	: <i>Moro Islamic Liberation Fronts</i>
MPTP	: Majlis Pembebasan Tindakan Patani
NESDB	: <i>Thailand National Economic and Social Development Board</i>
NewPULO	: PULO Baru
NGOs	: <i>Non-Government Organizations</i>
NRC	: <i>National Reconciliation Commission</i>
OIC	: <i>Organization of the Islamic Conference</i>
OMIP	: Orang Melayu Islam Patani
PARANAS	: Parti Revolusi Rakyat Selatan Thai
PARTIP	: Parti Islam Patani
PAS	: Parti Islam SeMalaysia
PATRIOT	: Pertubuhan Islam Republik Patani

PBB	: Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PGPO	: <i>Perdana Global Peace Organization</i>
PKM	: Parti Komunis Malaya
PKRRP	: Pasukan Komando Revolusi Rakyat Patani
PMAI	: Pakatan Mempertahankan Agama Islam
PPM	: Pergerakan Rakyat Patani
PULO	: <i>Pattani United Liberation Organization</i>
RKK	: Runda Kumpulan Kecil
RM	: Ringgit Malaysia
SBPAC	: <i>Southern Border Provinces Administrative Centre</i>
SBPPC	: <i>Southern Border Provinces PeaceBuilding Command</i>
SEACSN	: <i>Southeast Asian Conflict Studies Network</i>
SPAC	: <i>Southern Provinces Administrative Committee</i>
STUfPeace	: <i>Southern Thailand Universities for Peace</i>
TERAS	: Teras Keupayaan Melayu
Tok Nebe	: Ketua Kampung
UDI	: <i>Unilateral Declaration of Independence</i>
UNESCO	: <i>United Nations Education, Scientific and Cultural Organization</i>
USD	: <i>United States Dollar</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Fatwa Berjihad Melawan Kerajaan Thailand
Lampiran B	Borang Penyertaan Menjadi Anggota PULO
Lampiran C	Muka Depan Majalah Suara Mujahid PULO Keluaran Tahun 1992
Lampiran D	Beberapa Kandungan Majalah Suara Mujahid
Lampiran E	Kenyataan Akhbar Teras Keupayaan Melayu 29 April 2004
Lampiran F	Surat Gesaan Teras Keupayaan Melayu kepada Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi

KONFLIK PEMISAH DI SELATAN THAILAND: ISU, AKTOR DAN PENYELESAIAN

ABSTRAK

Pada 4 Januari 2004, sebuah kem tentera dalam wilayah Narathiwat telah diserang oleh sekumpulan yang tidak dikenali. Bermula dari situ, konflik di Selatan Thailand dilihat mula merebak dan meruncing sehingga sukar dibendung. Kejadian ini serta lain-lain kejadian dalam tahun-tahun 2004 hingga 2007 menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini, kenapa konflik yang telah mula dilihat reda dikatakan muncul kembali setelah hampir dua puluh tahun. Penyelidikan ini melihat kepada perubahan isu-isu, aktor-aktor dan pendekatan kerajaan daripada dulu hinggalah sekarang, khususnya selepas tahun 2004. Untuk mengukur perubahan-perubahan ini, data primer dan sekunder dianalisis dengan menggunakan teori-teori dan pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam bidang pengajian konflik dan perdamaian. Ini termasuk segitiga konflik, hubungan simetrik dan asimetrik, transformasi konflik, pengurusan konflik serta pembinaan perdamaian (*peacebuilding*).

Hasil daripada penyelidikan ini, didapati konflik di Selatan Thailand masih lagi berbentuk konflik pemisah walaupun terdapat penambahan isu dan aktor dalam konteks konflik ini. Struktur hubungan yang tidak seimbang (asimetrik) juga dilihat sebagai satu masalah dalam usaha mencari penyelesaian. Pendekatan-pendekatan yang bersifat pendominasian kuasa ke atas Orang Melayu Islam Patani (OMIP) masih diutamakan oleh pemerintah sehingga menimbulkan isu-isu lain. Manakala tahun 2004 pula boleh dilihat sebagai titik kebangkitan semula OMIP bagi meneruskan perjuangan kemerdekaan dan juga menentang dasar-dasar atau polisi-polisi yang bersifat pendominasian ini. Kebangkitan ini juga dilihat berbentuk baru apabila gerakan pemisah menampilkan perancangan dan strategi yang sistematik serta menjadikan sekolah, tempat-tempat awam, guru-guru, sami-sami dan pegawai kerajaan sebagai sasaran. Konflik juga dilihat semakin gamat dengan kemunculan aktor-aktor lain seperti ahli politik dan kongsi gelap yang mahu konflik ini berterusan supaya dapat mencapai hasrat dan kepentingan masing-masing.

Justeru, perlunya ada strategi dan inisiatif baru dalam penyelesaian konflik, termasuk pembinaan perdamaian dengan kerjasama masyarakat sivil sama ada diperingkat lokal mahupun antarabangsa. Konflik ini memerlukan langkah-langkah yang komprehensif dan dijangka akan mengambil jangka masa yang panjang untuk menyelesaikannya. Pembinaan perdamaian, yang turut melibatkan strategi transformasi konflik, boleh dilihat sebagai satu cara untuk membina asas kepada perdamaian yang berkekalan di Selatan Thailand.

THE SEPARATIST CONFLICT IN SOUTHERN THAILAND: ISSUES, ACTORS AND RESOLUTIONS

ABSTRACT

On January 4, 2004, an unidentified group attacked a military camp in Narathiwat and stole ammunitions and other military paraphernalia. Since then, a series of events that led toward to the expansion of the conflict in Southern Thailand has unfolded. In this study, attention is given to the conflict dynamics that has led to the increase in the intensity of the conflict since 2004—the changing issues, actors, and approaches from the past until present. To evaluate the conflict situation, primary and secondary data were analyzed using conflict and peace studies theories, including the conflict triangle, symmetric and asymmetric conflict, conflict transformation, conflict resolution, and peacebuilding.

The result of the research shows that the conflict in Southern Thailand is still a continuing separatist conflict with identity as its root cause. The structure of relations between the conflict actors remains to be asymmetric which in itself is a main obstacle to conflict resolution. The Government of Thailand also continues to maintain a hegemonic approach towards the Malay Muslims of Patani (OMIP) and to finding a path to resolving the conflict. The resurgence of this conflict since 2004 has shown a new form of separatist movement that is both systematic and strategic in their interventions by using schools, public spaces, teachers, monks, and civil servants as targets of their activities. The conflict increasingly becomes complicated when other actors, like politicians, and other criminal elements also contributed to the conflict in order to achieve their own personal interests.

Therefore, with such complexities, the Southern Thailand conflict needs a strategic and new initiative based on the foundations of peacebuilding. This process should include the contribution and cooperation of local and international civil societies. The situation calls for a comprehensive approach that includes conflict transformation and peacebuilding to achieve sustainable peace.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pertembungan budaya dan agama antara kelompok yang berbeza kadang kala menjadikan manusia amat sukar untuk mencari kesepakatan. Keputusan untuk berkompromi mungkin tidak dapat dihasilkan kerana budaya dan agama telah menetapkan aturan tertentu yang wajib diikuti dan dihindari oleh penganutnya. Justeru, konflik yang berlaku di wilayah Selatan Thailand atau konflik Patani hari ini berkait rapat dengan ungkapan yang dinyatakan diatas. Buktinya, konflik ini sudah lama berlaku iaitu sejak tahun 1786¹ lagi apabila wilayah kesultanan Melayu Fathoni² telah dikuasai oleh kerajaan Siam³. Walaupun sekitar awal tahun 2000 konflik ini dikatakan dapat dikawal dengan tiadanya insiden-insiden besar yang menarik perhatian pihak luar. Namun hakikatnya, konflik ini masih lagi berlangsung apabila ia dikejutkan dengan peristiwa 4 Januari 2004. Peristiwa ini tercetus apabila sebuah Kem Tentera dalam wilayah Narathiwat telah diserang dan dirompak serta 18 sekolah milik kerajaan⁴ telah dibakar oleh kumpulan yang tidak dikenali. Jeneral Thammarat Israkul Na Ayuthaya, bekas Menteri Pertahanan, menyatakan bahawa kejadian ini berkait rapat dengan kegiatan gerakan pemisahan yang cuba untuk menuntut kemerdekaan wilayah Patani, Yala, Narathiwat, Satun

¹ Merupakan tarikh terakhir kejatuhan Kesultanan Melayu Patani yang ketika itu diperintah oleh Sultan Muhamad. Kerajaan Siam dibawah pemerintahan Phraya Chakri memerintah puteranya iaitu Putera Surasi dengan bantuan Phraya Senaphutan, Gabenor Pattalung, Palatcaa dan Songhkla menyerang Patani setelah keengganan Sultan Muhamad memberi bantuan tentera kepada Siam untuk menyerang Burma setelah berjaya menguasai Ayutthaya. Ekoran daripada itu, tercetusnya konflik sehingga membawa kepada penaklukan kerajaan Siam ke atas Patani. Penaklukan ini merupakan kesinambungan dasar-dasar yang berbau pemaksaan kearah asimilasi.

² Fathoni atau lebih dikenali sebagai Patani. Kini, Konflik yang berlaku di tiga wilayah ini lebih kenali sebagai konflik Patani berbanding sebutan konflik di Selatan Thailand. Sebutan ini adalah berkait rapat dengan sejarah nama negeri Fathoni sebelum ia dijajah oleh kerajaan Siam.

³ Ibrahim, S. (2002) *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. H.74

⁴ *Penyerang bakar 18 sekolah, empat askar terbunuh* (2004) [Online].[Akses 5 Januari 2004]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.utusan.com.my>

dan sebahagian daripada Songkhla⁵. Walau bagaimanapun, kenyataan yang dikeluarkan itu tidak menerima maklum balas oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab ke atas kejadian tersebut. Serangan dan rompakan ke atas Kem Tentera ini merupakan peristiwa yang menarik perhatian luar walaupun sebelum ini telah ada kejadian-kejadian seperti pengeboman, tembak curi, penculikan, membakar sekolah dan kemudahan awam⁶. Hal ini kerana konflik yang dianggap telah reda dengan insiden yang besar tetapi muncul kembali dengan sesuatu tindakan yang diluar jangkaan. Peristiwa ini julung-julung kalinya berlaku di Selatan Thailand walaupun sebelum ini terdapat serangan ke atas kelompok tentera, tetapi ianya berlaku di depoh-depoh tentera yang bersaiz kecil serta strategi yang konvensional. Tetapi kali ini, serangan ini bersifat nekad dan berani bersama dengan strategi yang sistematik. Kejadian-kejadian ini selalu berlaku di wilayah Narathiwat, Yala, Patani dan Satun yang mana majoritinya didiami oleh orang Melayu beragama Islam. Menurut sejarah, wilayah-wilayah ini merupakan kawasan dibawah pemerintahan Kesultanan Melayu Patani tetapi telah ditakluki oleh kerajaan Siam dan dipecah bahagikan kepada 7 wilayah dan kini ia dicantum semula menjadi empat wilayah⁷. Justeru itu, konflik yang berlaku di Selatan Thailand pada masa kini hanya melibatkan empat wilayah ini sahaja. Orang Melayu Islam Patani (OMIP) bangkit memberontak untuk mendapatkan kembali negeri Fathoni Darul Salam⁸ dari kerajaan Siam yang sekian lama dijajah. Mereka ingin

⁵ Danial, M. (2004) *Konflik Selatan Thailand dan Transformasi Sosial*. Pembentangan Kertas Kerja Sempena Minggu Perdamaian Universiti Sains Malaysia Ke-3. Pada 14 Disember 2004. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

⁶ Temubual dengan *Assistant Profesor Dr. Worawit Baru, Director of Institute of Southeast Asian Maritime State Studies*, Prince of Songkhla University, pada 9 Ogos 2006. Bertempat di Prince of Songkhla University, Pattani Campus. Thailand.

⁷ Ibrahim Syukri, *op. cit.*, h.80.

⁸ Wilayah-wilayah yang terdapat dalam negeri Fathoni terdiri daripada wilayah Narathiwat, Yala, Patani dan sebahagian daripada Senggora (Songkhla). Manakala Satun pula sebahagian daripada negeri Kedah.

memiliki kembali negeri Fathoni atau Patani dan membentuk kerajaan dan pemerintahan sendiri seperti yang terdahulu⁹.

Memandangkan banyak perubahan yang berlaku dalam konflik terbaru ini, maka penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui perkembangan yang berlaku khususnya untuk menjawab persoalan kenapa ia muncul kembali kerana sebelum ini dasar-dasar pengurusan konflik diterima baik oleh OMIP. Kemungkinan pengurusan konflik sebelum ini tidak lagi sesuai sehingga wujud kelompok-kelompok penentang. Kemunculan konflik ini juga begitu unik apabila kelompok-kelompok yang terlibat tampil dengan strategi, sasaran dan corak serangan yang berbeza berbanding sebelum ini. Contohnya, kelompok-kelompok yang terlibat ini tidak tampil bertanggungjawab terhadap serangan yang dilakukan. Manakala sasaran mereka ialah sekolah-sekolah kerajaan, tempat-tempat awam, kem tentera, guru-guru, tok-tok imam, sami-sami Buddha, orang awam dan pihak berkuasa. Penyelidikan ini juga bertindak mengenalpasti pihak-pihak yang terlibat, isu-isu yang dimainkan dan tindak balas kerajaan serta pihak luar terhadap konflik ini. Manakala relevannya penyelidikan ini adalah dapat memberi sumbangan kepada masyarakat terutamanya berkenaan dengan maklumat-maklumat atau ilmu-ilmu baru tentang perkembangan konflik ini. Oleh yang demikian, maklumat-maklumat yang diperolehi membolehkan pihak-pihak tertentu menjadikan ia sebagai panduan untuk membuka penyelidikan baru atau projek perdamaian di wilayah tersebut. Selain itu, penyelidikan ini akan dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada semua pihak tentang sesuatu konflik yang mana ia tidak boleh dipandang remeh walaupun ianya dapat diatasi sebelum ini. Kesedaran yang timbul ini akan

⁹Lukman, L. (2002) *To Life imprisonment on PULO leaders in Bangkok [Online]*. [Akses 14 Mac 2004]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.pulo.org/pulo/hjdaud.htm>

membuka mata semua pihak untuk terlibat serta membantu pihak-pihak yang terlibat dalam kancah konflik ini.

1.1.1 Komposisi Penduduk

Patani, Narathiwat, Yala dan Satun merupakan sebahagian daripada 17 wilayah atau Changwat yang terdapat di Selatan Thailand. Populasi kepadatan penduduknya ialah 12% daripada rakyat Thailand. Jumlah penduduk seramai 1.3 juta adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam dan 360,000 orang adalah berbangsa Siam dan Cina yang beragama Buddha. Jika dibandingkan kadar peratus jumlah keseluruhan rakyat Thailand, orang Melayu di Selatan Thailand berjumlah 4 peratus¹⁰. Melihat kepada jumlah kepadatan penduduk di empat wilayah Selatan Thailand, terbukti orang Melayu merupakan penduduk yang majoriti. Mereka kebanyakannya tinggal di wilayah Patani, Yala, Narathiwat dan Satun. Keempat-empat wilayah ini mempunyai keluasan 13 732 kilometer persegi daripada 70 000 kilometer persegi keluasan kesemua wilayah Selatan Thailand dengan kedudukan garis lintang 5°35' hingga 6°55' utara¹¹.

Dari segi ekonomi, wilayah Patani, Narathiwat dan Yala masih berada dibawah paras garis kemiskinan. Contohnya, pendapatan bulanan 20.7 peratus penduduk wilayah Patani adalah berada dibawah RM 81.80 sebulan, 46 peratus penduduk wilayah Narathiwat berpendapatan dibawah RM 80.8 sebulan manakala 37 peratus penduduk wilayah Yala pula berpendapatan dibawah RM 84.50 sebulan¹². Kebanyakan penduduk tempatan masih lagi bergantung kepada sumber pertanian

¹⁰Weiss, L.M. (2004) *Subcommittee on Asia and the Pacific House International Relation Committee*, [Online]. [Akses 6 April 2005] Boleh diperolehi melalui Laman Layar: http://www.house.gov/international_relations/108/wei071404.htm

¹¹Suria, S.M. (1990) *De-Radicalization of Minority Dissent: A Case Study of the Malay-Muslim Movement in Southern Thailand, 1980 – 1994*. Quezon City 1101, Philippines, hlm. 118.

¹² *Economic Situation in Southern Thailand* (2007) [Online],[Akses 24 Oktober 2007]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar: <http://bangkokpundit.com/2007/04/economic-situation-in-southern-thailand.html>

sebagai kegiatan utama. Mereka mengerjakan tanaman padi, menoreh getah, menangkap ikan, membuat kelapa kering dan menanam ubi¹³. Terdapat juga sekelompok kecil yang terlibat dalam kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan dan bekerja di sektor perindustrian. Selain itu, terdapat juga yang bekerja dalam sektor awam khususnya dalam bidang pendidikan sama ada membuka sekolah-sekolah agama sendiri mahupun sebagai ahli akademik di universiti. Namun demikian, kebanyakan taraf kehidupan mereka masih lagi ditahap yang rendah berbanding wilayah-wilayah lain walaupun dikatakan mendapat bantuan dan dorongan daripada kerajaan Thailand.

Dari sudut politik, Selatan Thailand dari dahulu lagi mengalami pergolakan yang mana berlaku pemberontakan di kalangan orang Melayu untuk memerdekakan Patani. Pada peringkat awal konflik, pemberontakan kebanyakannya diketuai oleh kelompok istana. Mereka berjuang untuk mengembalikan semula takhta pemerintahan sultan yang dikuasai oleh kerajaan Siam. Malangnya, usaha yang dijalankan itu tidak berjaya apabila kerajaan Thailand memansuhkan jawatan sultan Melayu pada tahun 1902¹⁴. Bermula dari tarikh itu, Patani tiada lagi sultan dan diganti oleh jawatan Gabenor untuk mentadbir wilayah majoriti orang Melayu. Walaupun jawatan sultan sudah dimansuhkan namun pemberontakan tetap diteruskan. Peringkat kedua pemberontakan kebanyakannya diketuai oleh golongan agama. Pemberontakan ini adalah reaksi kepada dasar kerajaan Thailand yang cuba mencabuli kesucian agama Islam yang diamalkan oleh orang Melayu. Reaksi mereka ini bertujuan untuk mempertahankan kesucian agama Islam apabila kerajaan

¹³ Mohd Zamberi, A.M. (1993) *Umat Islam Patani; Sejarah dan Politik*. Hizbi, Shah Alam. H. 245-246.

¹⁴ Ibrahim, S., *op.cit.*, h. 88,96 dan 101.

Thailand cuba menghapuskan hukum syariat dan digantikan dengan hukum sivil¹⁵. Golongan ini masih lagi teguh hingga ke hari ini apabila disambung oleh generasi-generasi baru. Selalunya kejadian-kejadian seperti pengeboman dan tembak bermotosikal dikaitkan dengan militan Islam yang radikal. Kerajaan mendakwa bahawa sekolah-sekolah pondok dalam wilayah Narathiwat, Patani dan Yala berfungsi menghasilkan pelapis-pelapis baru untuk meneruskan perjuangan menuntut kemerdekaan. Lantaran itu, banyak sekolah pondok hari ini dikawal oleh pihak berkuasa Thailand¹⁶.

Di samping itu, terdapat kelompok kedua yang mempunyai peranan yang sama dengan golongan agama tersebut. Mereka ini terdiri daripada golongan cendekiawan yang mendapat pendidikan dari dalam dan luar negeri. Selalunya kelompok ini memegang jawatan tinggi dalam sektor kerajaan dan berlindung di sebalik kerjaya mereka¹⁷. Strategi yang digunakan ialah menghantar ahli kumpulan gerakan pemisah untuk bekerja dengan kerajaan bagi mendapat maklumat serta melobi pembentukan dasar-dasar kerajaan terhadap wilayah mereka.

OMIP hari ini yang berjuang sama ada ke arah kemerdekaan mahupun keamanan boleh dibahagikan kepada tiga golongan. Mereka ini tidak mempunyai kesamaan kepentingan malah berkonflik antara satu sama lain. Golongan pertama boleh dikategorikan sebagai orang-orang Melayu yang masih berpegang kepada kepentingan-kepentingan orang-orang terdahulu walaupun masa telah berubah. Golongan ini mempunyai fahaman yang ortodok dan berpegang kepada ajaran-ajaran

¹⁵ Nik Anuar, N.M. (2000) *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954* [Online]. [Akses 23 Januari 2004]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar: http://fanzalika.tripod.com/malay/patani/kepala_%20sejarah.html.

¹⁶ Temubual dengan Nik Abdul Ghani Bin Nik Hashim, Pensyarah Prince of Songkhla University, Kampus Pattani pada 8 September 2006. Bertempat di penginapan pensyarah, Patani. Thailand. Responden bukan nama sebenar kerana atas dasar keselamatan.

¹⁷ Temubual dengan *Assistant* Profesor Dr. Worawit Baru, Director of Institute of Southeast Asian Maritime State Studies, Prince of Songkhla University, pada 9 Ogos 2006. Bertempat di Prince of Songkhla University, Pattani Campus. Thailand

Islam lama. Mereka ini cenderung kepada Islam radikal dan sering menjalankan operasi-operasi seperti serang hendap, pengeboman, tembak curi, penculikan dan sabotaj¹⁸. Dari sudut pengaruhnya, golongan ini mempunyai pengaruh yang luas di kalangan orang-orang kampung dan pelajar-pelajar sekolah pondok. Golongan kedua lebih dikenali sebagai kelompok Wahabi. Fahaman mereka lebih kepada Islam moderat iaitu tidak mencampuri perkara yang diamalkan dalam budaya dengan syariat Islam. Mereka lebih kepada mempraktikkan syariat Islam yang moden dan meninggalkan adat budaya yang dianggap khurafat. Kebanyakan golongan ini terdiri daripada ahli-ahli akademik yang mendapat pendidikan dari luar negara. Corak perjuangan mereka lebih kepada menjaga kepentingan dan kebajikan orang Melayu dengan menyertai program-program yang dianjurkan oleh kerajaan. Selain itu, mereka menjalankan aktiviti akademik untuk membentuk perdamaian seperti menganjurkan seminar, dialog, forum, penyelidikan dan persidangan¹⁹. Dari sudut pandangan dan pegangan kumpulan ini yang berkaitan dengan kemerdekaan negeri Patani, mereka tidak mementingkan kepada kemerdekaan wilayah malahan lebih menumpukan kepada pembangunan sosioekonomi, pendidikan dan politik OMIP. Golongan berada di universiti-universiti ini boleh dikatakan mempunyai fikiran yang terbuka dan moden. Mereka tidak ingin melihat anak-anak Melayu berlumuran darah akibat pertarungan untuk menuntut kemerdekaan. Apa yang lebih penting disini ialah perjuangan dalam membentuk pembangunan masyarakat Melayu Patani yang sudah jauh ketinggalan berbanding bangsa lain di dunia²⁰.

¹⁸ Mohd Zamberi, A.M. (1993), *op.cit.*, h. 251.

¹⁹ Temubual dengan Nik Abdul Ghani Bin Nik Hashim, Pensyarah Prince of Songhla University, Kampus Pattani pada 8 September 2006. Bertempat di penginapan pensyarah, Patani. Thailand. Responden bukan nama sebenar kerana atas dasar keselamatan.

²⁰ Temubual dengan Dr. Sukree Langputeh, Dekan *Faculty of Liberal Arts and Social Sciences*, Yala Islamic University, pada 7 Disember 2006. Bertempat di Universiti Sains Malaysia. Malaysia.

Seterusnya golongan ketiga, golongan ini aktif dalam politik kerajaan. Selalunya golongan ini lebih cenderung menyertai pemerintahan Thailand dan menjadi sebahagian daripada kerajaan. Mereka akan masuk bertanding dalam pilihanraya dengan mewakili parti kerajaan. Golongan ini merupakan pecahan daripada gerakan-gerakan dahulu yang bergerak untuk menjaga kepentingan dan kebajikan orang Melayu. Seperti gerakan Wahdah²¹ merupakan nadi perjuangan orang Melayu suatu ketika dahulu telah menyertai parti kerajaan untuk membela nasib mereka. Pada peringkat awal, golongan ini mendapat sokongan penuh di kalangan orang Melayu tetapi hari ini ia tidak lagi mendapat perhatian dan sokongan rakyat. Pengaruh mereka semakin berkurangan apabila dikatakan gagal menjaga hak kepentingan orang Melayu Patani malah ia lebih kepada memenuhi kepentingan peribadi²².

Dari sudut amalan kebudayaan pula, kebanyakan mereka tidak jauh berbeza dengan masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Hal ini kerana kebanyakan negara di Asia Tenggara tergolong dalam rumpun Melayu Nusantara. Jika dilihat dari sudut sejarah, keadaan juga membuktikan bahawa pembentukan tamadun Melayu Patani adalah lebih kurang sama dengan Semenanjung Tanah Melayu. Cuma yang membezakan antara keduanya ialah Tanah Melayu dijajah oleh British manakala Patani dijajah oleh kerajaan Siam. Kedua-dua wilayah ini sekitar abad ke 14 dan 15 menerima pengaruh hindu. Orang-orang Hindu datang ke Semenanjung Tanah Melayu bagi menjalankan kegiatan perdagangan. Masyarakat tempatan ketika itu yang masih mengamalkan kepercayaan animisme

²¹ Wahdah merupakan pertubuhan secara tidak formal yang ditubuhkan oleh orang Islam di selatan Thailand yang bertujuan untuk menjaga kesucian agama Islam serta syariatnya. Ia mendapat sokongan penuh daripada masyarakat tempatan yang beragama Islam.

²² Temubual dengan Salhi Awae, pegawai penyelidik Research Center for Peace Building, Mahidol University, pada 5 Disember 2006. Bertempat di Vistana Hotel, Pulau Pinang. Responden bukan nama sebenar kerana atas dasar keselamatan.

telah terpengaruh dengan agama dan budaya yang dibawa oleh pedagang-pedagang Hindu. Kebudayaan dan agama Hindu tidak bertahan lama apabila berlaku siri perubahan pelbagai bangsa yang datang dan menguasai Semenanjung Tanah Melayu. Antaranya, selepas kedatangan Hindu, ia didatangi oleh empayar Sri Wijaya, Majapahit, Siam dan kolonial Eropah. Kesannya, orang-orang Melayu menerima pelbagai budaya dan agama yang berbeza. Di samping itu, Patani didatangi pedagang-pedagang dari Timur Tengah yang membawa ajaran Islam. Akibat kegiatan pendakwaan Islam ini mereka telah memeluk agama Islam. Kepercayaan terhadap agama Islam menyebabkan mereka meninggalkan kepercayaan dan budaya semasa beragama hindu dan mengikut syariat Islam.

1.1.2 Sejarah Konflik

Kebangkitan memuncak OMIP menentang kerajaan Thai bermula pada tahun 1902 apabila kerajaan Siam memansuhkan jawatan Sultan Patani. Namun, sebelum itu Patani telah banyak melalui siri peperangan dengan kerajaan Siam. Nik Anuar Nik Mahmud dalam bukunya menyatakan:

“Tahun masehi 1902 adalah tahun yang malang sekali di dalam sejarah kejatuhan kerajaan Melayu Patani. Dengan kejatuhan itu, maka terhapus hak pertuanan orang-orang Melayu atas negeri Patani, tergadai semua hak kebebasan dan kemerdekaan mereka kepada Raja Siam”²³.

Segala hak ketuanan orang Melayu ke atas negeri Patani dihapuskan semua sekali. Manakala negeri Patani milik orang Melayu telah dipecahkan kepada tujuh

²³ Nik Anuar, N.M., *op.cit.*

wilayah²⁴. Hakikatnya, rakyat Patani mengetahui bahawa dasar yang dilaksanakan bertujuan untuk melemahkan politik orang Melayu di Patani. Akibatnya, timbul pergolakan menentang dasar tersebut sehingga menimbulkan hasrat untuk memerdekakan negeri Patani.

Sebelum kejatuhan negeri Fathoni, Ibrahim Syukri dalam bukunya menyatakan bahawa Fathoni merupakan sebuah negeri yang kuat dan berpengaruh dan pernah menjadi pusat perdagangan di nusantara²⁵. Ramai pedagang-pedagang dari timur dan barat datang ke Fathoni. Zaman keagungan dan kekuatan Fathoni dapat digambarkan apabila kegagalan kerajaan Siam menyerang Fathoni sebanyak tiga kali. Sekitar tahun 1563 kerajaan Fathoni pernah menyerang Kota Ayutthia dan menguasai kerajaan Siam²⁶. Namun keagungan negeri Fathoni tidak kekal lama apabila pada tahun 1786, Fathoni tewas ditangan Kerajaan Siam²⁷. Serangan kerajaan Siam untuk kali ketiga telah menyebabkan Sultan Muhamad selaku sultan Fathoni syahid dalam peperangan. Tambahan pula, Fathoni alpa dengan kemakmuran dan kemajuan yang dicapai sehingga lupa akan pertahanan negeri dari serangan kuasa asing²⁸.

Penguasaan kerajaan Siam ke atas negeri Fathoni telah mengubah banyak perkara. Perubahan yang dilakukan ini telah mengakibatkan konflik yang berpanjangan hingga ke hari ini. Pada 23 Disember 1894 buat pertama kalinya dalam

²⁴ Pecahan kepada tujuh wilayah ini terkandung dalam Undang-undang Pentadbiran Tahun 116 yang mana negeri Fathoni dipecahkan kepada dua kawasan iaitu, kawasan pertama dikenali sebagai Bahagian Sungai Teluban yang terdiri daripada wilayah Saiburi, Legeh dan Kelaba. Manakala kawasan kedua dikenali sebagai Bahagian Patani yang terdiri daripada wilayah Patani, Nongchik, Reman dan Yala. Seterusnya wilayah ini dirangkum semula menjadi lima wilayah iaitu Patani, Yala, Narathiwat, Satun dan sebahagian daripada Senggora atau Songkhla.

²⁵ Ibrahim, S., *op.cit.*, h. 43-46.

²⁶ *Ibid.*, h. 37-38.

²⁷ Menurut Ibrahim Syukri dalam bukunya menyatakan empat faktor yang menyebabkan kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Patani ke tangan Siam. Pertama, rahsia pertahanan dan kekuatan orang-orang Melayu telah dipecahkan oleh Nai Chan Tung kepada panglima Siam-Thai. Kedua, Sultan Muhamad telah mangkat di dalam peperangan. Ketiga, kelengkapan alat senjata perang orang-orang Melayu tidak memadai dan keempat, kekuatan perang orang-orang Siam-Thai lebih banyak berbanding orang-orang Melayu.

²⁸ *Ibid.*, h. 70-71

sejarah Siam moden apabila Kementerian Dalam Negeri ditubuhkan untuk menyusun sistem pentadbiran wilayah-wilayah dibawah jajahan Siam. Putera Damrong Rajanubhad merupakan Menteri Dalam Negeri yang pertama merombak sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Fathoni²⁹. Ekoran daripada pembaharuan ini, kerajaan Siam telah memperkenalkan satu dasar Thesaphiban di Fathoni³⁰. Namun, keadaan tidak sebaik yang dijangka kerana Raja-raja Melayu Fathoni telah memberontak menentang pelaksanaan dasar tersebut. Hakikatnya, Thesaphiban merupakan dasar untuk menghapuskan otonomi dan kekuasaan Raja-raja Melayu ke atas negeri Fathoni. Kedaulatan Raja-raja Melayu dihapuskan dan bidang kuasa mereka juga terbatas. Pemberontakan yang berterusan menyebabkan penahanan Tengku Abdul Kadir Kamarudin iaitu sultan Fathoni terakhir pada tahun 1902. Bermula dari sini nama Fathoni digelar sebagai Patani dan tidak lagi mempunyai sultan. Pemerintahan bagi negeri Patani telah diganti oleh wakil pentadbiran kerajaan Siam yang berpusat di Bangkok.

Pada 10 Mac 1909, telah termenterai perjanjian antara British dengan kerajaan Siam atau dikenali sebagai '*Anglo Siamese-Treaty*' bagi pengesahan wilayah taklukan. Antara kandungannya, negeri-negeri Melayu Kedah, Kelantan, Perlis, Terengganu, diserahkan kepada pentadbiran Inggeris³¹, manakala wilayah Patani berada di bawah kekuasaan kerajaan Siam. Perjanjian ini telah menguatkan lagi cengkaman kerajaan Siam terhadap Patani. Oleh itu, kerajaan Siam mengubal dasar dalam segenap aspek untuk melemahkan OMIP agar tidak memberontak.

Usaha kerajaan untuk melemahkan orang Melayu tidak berjaya apabila masih berlaku siri pemberontakan menentang kerajaan hingga ke hari ini. Kemerdekaan merupakan matlamat utama orang Melayu dalam perjuangan mereka kerana sejarah

²⁹ Mohd Zamberi, A.M. (1993), *op.cit.*, h. 130-131

³⁰ *Ibid.*, h. 178.

³¹ Nik Anuar, N.M., *op.cit.*

telah menunjukkan orang-orang Melayu mempunyai negeri berdaulat tetapi telah dijajah oleh kerajaan Siam. Tuntutan terhadap kemerdekaan berlaku sekiranya wujud elemen-elemen yang mencabar dan mengancam kedudukan bangsa Melayu. Persoalannya, isu kemerdekaan telah lama diperjuangkan oleh orang-orang Melayu Patani. Namun mereka masih lagi mengalami kekalahan dan kegagalan dalam menuntut hak ke atas tanah air sendiri. Ramai pejuang telah terkorban dan ramai juga nyawa dipihak kerajaan Thailand yang terkorban.

Pemberontakan pertama berlaku ketika pemerintahan Tengku Lamidin pada tahun 1791 apabila beliau berpakat dengan Raja Annam yang beragama Islam dan menyerang kedudukan tentera Siam di Tiba, Chanak, Songkhla dan Saiburi³². Pemberontakan seterusnya semasa pemerintahan Datuk Pengkalan pada tahun 1808 yang mana ramai OMIP yang tewas perang dibawa ke Bangkok untuk dijadikan hamba abdi. Akibatnya, kerajaan Siam mengubal beberapa dasar untuk melemahkan struktur kerajaan Patani. Antaranya, memecahkan negeri Patani kepada tujuh kawasan dan melantik raja Melayu yang setia kepada kerajaan pusat di Bangkok.

Walaupun menghadapi tekanan daripada kerajaan Siam, OMIP tetap meneruskan perjuangan kemerdekaan mereka. Sekitar tahun 1940an ketika dunia mengalami Perang Dunia ke-II, Tengku Mahmood Mahyideen³³ mengambil kesempatan memujuk British supaya membebaskan negeri Patani daripada kekuasaan kerajaan Siam memandangkan ketika itu Siam memihak kepada Jepun. Beliau banyak membantu British melawan Jepun dan dalam masa yang sama menyeru orang Semenanjung Tanah Melayu agar membantu OMIP keluar dari

³² *Ibid.*

³³ Merupakan anak kepada Tengku Abdul Kadir, sultan Fathoni terakhir. Beliau dilahirkan pada tahun 1905 dan mendapat pendidikan di Kolej Assumption, Bangkok. Beliau juga terpaksa berpindah ke Kelantan pada tahun 1923 ekoran berlakunya pemberontakan Belukar Semak. Di Tanah Melayu beliau melanjutkan pelajarannya di Penang Free School. Semasa pemerintahan British, beliau memegang jawatan berpangkat Mejar dalam gerakan *Force 136* menentang Jepun dan Siam di Tanah Melayu.

penjajahan kerajaan Siam. Namun, usahanya menemui kegagalan apabila British mengambil keputusan untuk tidak mengambil tindakan ke atas Siam ekoran kekalahan Jepun di samping memansuhkan rancangannya terhadap Segenting Kra dan Empat Wilayah untuk dibebaskan daripada Siam. British bertindak demikian kerana keperluan terhadap bekalan beras dari negara Siam sebanyak 1,500,00 juta tan setahun bagi mengatasi masalah kebuluran di Semenanjung Tanah Melayu dan tanah jajahannya yang lain di Asia. Kerajaan British juga terpaksa akur kepada tekanan Amerika supaya keutuhan wilayah Siam dihormati.

Setelah Tengku Mahmood Mahyideen menemui kegagalan. Perjuangan kemerdekaan Patani diteruskan oleh angkatan baru melalui kaedah penubuhan gerakan pemisah. Pada peringkat awalnya peranan yang dimainkan oleh gerakan-gerakan ini ialah melobi pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk masuk campur dalam memisahkan Patani daripada Thailand tetapi ia bertukar kepada kegiatan seperti serangan gerila, pengeboman, pembunuhan, sabotaj dan lain-lain setelah tidak mendapat sokongan³⁴. Antara gerakan utama yang ditubuhkan ialah Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP), Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN) dan *Pattani United Liberation Organization* (PULO). Walaupun banyak gerakan pemisah ditubuhkan namun kemerdekaan yang ingin dicapai belum lagi berjaya. Malahan telah menimbulkan isu-isu lain seperti diskriminasi dan ketidakadilan ke atas identiti, budaya, agama dan ekonomi terhadap OMIP oleh kerajaan Thailand. Isu-isu ini timbul ekoran daripada tindak balas kerajaan dalam memastikan kepentingan atau keinginan OMIP untuk merdeka tidak dapat dicapai. Justeru itu, pertembungan antara kedua belah pihak

³⁴ Mohd Zamberi, A.M. (1993), *op. cit.*, h. 318.

yang bertindihan kepentingan ini tanpa pengurusan yang baik akan mengembangkan lagi situasi konflik.

1.1.3 Insiden dan Peristiwa

Dalam masa 10 tahun bermula pada 1993 hingga 2004, sebanyak 2,593 insiden berkaitan dengan keganasan berlaku. Sepanjang tempoh itu, 29% berlaku sepanjang tahun 1993 hingga 2003, manakala 71% berlaku dalam tahun 2004³⁵. Narathiwat merupakan wilayah yang paling kerap berlaku insiden keganasan dan diikuti pula wilayah Patani dan Yala. Antara insiden dan peristiwa yang berlaku hari ini lebih kepada penyerangan, pertempuran, sabotaj dan demonstrasi³⁶.

Sebelum tahun 1990, telah banyak berlaku insiden-insiden pertembungan antara OMIP dengan pihak berkuasa kerajaan Thailand. Antaranya peristiwa di Kampung Dusun Nyior, Narathiwat pada 28 April 1948 apabila polis memulakan serangan ke atas sekumpulan OMIP yang sedang mengadakan kenduri. Pihak polis menuduh sekumpulan OMIP itu bertindak cuba melawan mereka. Lantaran itu, hampir 400 orang termasuk orang tua dan kanak-kanak telah mati, manakala 30 anggota polis turut terkorban dalam pertempuran yang berlangsung selama 36 jam itu³⁷. Sementara itu, demonstrasi turut berlaku di Selatan Thailand apabila OMIP cuba menahan tindakan kerajaan untuk merobohkan Masjid Besar Menara untuk digantikan dengan masjid baru. Demonstrasi ini berlaku pada 15 November 1975 yang mana Perdana Menteri Kukrij Pramoj ingin merobohkan Masjid Besar Menara

³⁵ Syukree, L. (2006) *Peacebuilding & Peacemaking for Southern Thailand: Effects and Challenges. Young Malaysian Scholars Training on Peace Studies, Conflict Resolution, and Human Rights Education*, 4-8 Disember 2006, Penang. *Research and Education for Peace Unit*, Universiti Sains Malaysia. H. 3.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Ibrahim, S., *op.cit.*, h. 118.

tetapi ditentang oleh orang Melayu. Ekoran daripada itu, ramai tentera telah dihantar ke wilayah tersebut³⁸.

Pada 29 November 1975, tentera telah memaksa enam orang pemuda Melayu Islam menyembah berhala Buddha dan kemudian dibunuh. Kejadian ini berlaku di wilayah Patani apabila mereka disekat oleh Tentera Laut Thai ketika dalam perjalanan pulang. Tindakan ini terbongkar apabila salah seorang daripada mereka terselamat. Ekoran daripada itu berlaku demonstrasi pada 11 Disember 1975 menentang kezaliman tentera kerajaan disamping membawa tentera terlibat ke muka pengadilan³⁹.

Seterusnya pada 21 April 1990 satu perarakan besar-besaran telah diadakan oleh orang Melayu untuk menuntut kerajaan Thailand supaya membenarkan mereka memperbaiki Masjid Kerisik. Masjid ini merupakan yang tertua di Asia Tenggara dan sebagai tanda kedatangan agama Islam di Patani⁴⁰. Perarakan ini bertujuan untuk menangkis segala tanggapan dan kepercayaan orang bukan Islam bahawa masjid tersebut tidak akan siap pembinaannya sampai bila-bila. Selain itu, menyelar tindakan kerajaan Thailand yang mengesahkan kepercayaan tersebut serta membenarkan sebuah kuil bertaraf tugu peringatan yang dibina bersebelahan dengan masjid tersebut. Demonstrasi ini berlangsung selama enam bulan dan berakhir apabila tuntutan mereka diperkenankan oleh pihak kerajaan. Namun, tugu peringatan berbentuk kubur Buddha tetap dibina di hadapan masjid tersebut dengan saiz yang lebih besar berbanding masjid⁴¹.

³⁸ Mohd Zamberi. A.M. (1993), *op.cit.*, h. 292.

³⁹ *Ibid.*, h. 292.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 308- 313

⁴¹ Menurut penduduk tempatan, kubur tersebut dikatakan mempunyai kaitan tentang mitos kematian seorang berbangsa Cina yang membunuh diri kerana tidak berjaya memujuk abangnya pulang ke negara China. Abangnya yang telah lama tinggal di Patani dan memeluk agama Islam enggan pulang bersama adiknya. Beliau juga dikatakan arkitek kepada pembinaan Masjid Kerisik. Kubur tersebut sebenarnya bukan di hadapan masjid tetapi berada lebih 5 kilometer dari masjid dan berhampiran laut. Adiknya dikatakan membunuh diri berdekatan dengan laut dan di semadikan di sana.

Selepas kejadian demonstrasi tersebut, antara tahun 1990 hingga 2003, didapati tiada insiden-insiden yang menarik perhatian ramai. Sekitar tahun ini dikatakan kelompok gerakan pemisah yang terdiri daripada PULO dan BRN mengubah strategi mereka dengan menyelinap masuk ke dalam parti-parti politik untuk membawa kepentingan-kepentingan OMIP di Parlimen⁴². Walaupun begitu, masa ini digunakan juga untuk melatih ahli baru dan membentuk strategi yang lebih sistematik sejajar dengan perkembangan dunia semasa⁴³.

Seterusnya menjelang tahun 2004, konflik meletus kembali apabila pada 4 Januari 2004 berlaku penyerangan ke atas Kem Tentera di Kg. Pileng, Daerah Pecah Airong dalam wilayah Narathiwat oleh sekumpulan militan yang tidak dikenali. Dalam serangan tersebut, empat anggota tentera telah terbunuh dan 366 laras senjata jenis M16, 24 laras Gun, 7 laras RPG (M79) dan 2 laras M60 telah di rompak. Dalam masa yang sama 18 buah sekolah dalam 10 daerah di Narathiwat turut dibakar. Sebelum memasuki Kem tersebut, kumpulan ini bertindak menabur paku-paku di setiap jalan keluar masuk serta menebang pokok-pokok supaya dapat menyekat daripada pihak berkuasa. Kerajaan percaya tindakan seperti ini memerlukan perancangan dan latihan yang cukup terancang dan rapi. Terdapat juga tuduhan yang mengatakan bahawa kumpulan ini mendapat latihan dan arahan daripada luar.

Bermula dari itu, wilayah Selatan Thailand digegarkan dengan kejadian-kejadian lain seperti serangan bom, tembak curi bermotosikal, pembakaran rumah dan sekolah, memusnahkan kemudahan awam, penculikan, surat ugutan dan banyak

⁴² *Assessment for Malay-Muslims in Thailand* (2004) [Online],[Akses 20 Julai 2004]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar: <http://www.cidcm.umd.edu/mar/assessment.asp?groupID=80002>

⁴³ Temubual dengan *Assistant* Profesor Dr. Worawit Baru, Director of Institute of Southeast Asian Maritime State Studies, Prince of Songkhla University, pada 9 Ogos 2006. Bertempat di Prince of Songkhla University, Pattani Campus. Thailand

lagi. Keadaan yang semakin tidak terkawal ini telah memaksa kerajaan melaksanakan darurat militer di wilayah itu.

Selang beberapa bulan kemudian wilayah tersebut digegarkan pula dengan kejadian yang menyayat hati apabila berlaku pertembungan bersenjata antara kumpulan pemuda Melayu Islam dengan pihak berkuasa pada 28 April 2004⁴⁴. Pertempuran berlaku dalam wilayah Patani, Yala dan Songkhla secara serentak apabila kumpulan yang dikenali sebagai 'Serban Merah' telah menyerang pondok kawalan polis dengan bersenjatakan parang, pisau dan beberapa laras senapang⁴⁵. Insiden ini berakhir di Masjid Kerisik apabila pihak berkuasa menembak mereka yang berlindung di dalamnya. Seramai 32 orang yang terkorban dalam masjid tersebut dan jumlah keseluruhan yang terkorban dalam insiden ini di seluruh wilayah ialah 107 orang di kalangan orang Melayu dan 5 orang di pihak berkuasa. Insiden ini telah memberi tamparan yang hebat kepada kerajaan apabila ramai pihak berpendapat bahawa tindakan penyerangan terhadap masjid tersebut sebagai satu pelanggaran hak asasi manusia dan tindakan yang tidak berperikemanusiaan.

Setelah beberapa bulan kemudian, wilayah Selatan Thailand sekali lagi digegarkan dengan tragedi Tak Bai. Pada 25 Oktober 2004 berlaku demonstrasi beramai-ramai di hadapan Balai Polis Tak Bai bagi meminta pihak berkuasa membebaskan 6 sukarelawan keselamatan yang ditangkap pada 15 Oktober 2004 atas tuduhan cuba untuk merancang pemberontakan. Tindakan kerajaan menyuraikan penunjuk perasaan itu berakhir dengan keganasan apabila 85 orang penunjuk perasaan telah terkorban. Seramai 1300 orang telah ditangkap dan 6 diantaranya dikatakan mati terkena peluru semasa demonstrasi berlangsung, manakala seramai 79

⁴⁴ *Bandar Patani bermandi darah [Online]*, [Akses 29 April 2004]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.utusan.com.my>

⁴⁵ *Identiti kumpulan 'serban merah' terlibat pertempuran masih misteri [Online]*. [Akses 30 April 2004]. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://www.utusan.com.my>

terkorban dalam perjalanan ke kem tahanan. Pihak berkuasa bertindak dengan mengikat kedua belah tangan kesemua tahanan dan memuatkan mereka didalam trak tentera dengan kedudukan secara berlapis-lapis dan bertindih-tindih. Akibat kesesakan tersebut, ramai di kalangan tahanan mati semasa dalam perjalanan ke kem tahanan Telaga Bakong, Patani yang lebih kurang 160 kilometer daripada daerah Tak Bai⁴⁶.

Seterusnya pada 1 September 2005, wilayah ini digemparkan lagi dengan pelarian seramai 131 orang rakyat Thailand memasuki sempadan Malaysia melalui daerah Tumpat, Kelantan untuk mencari perlindungan setelah didakwa keadaan di Selatan Thailand semakin genting dan mengancam keselamatan penduduk awam. Menurut Kantathi Suphamongkhon, Menteri Luar Thailand menyatakan melalui maklumat awal yang diterima terdapat pihak-pihak tertentu mengadakan khabar angin yang menimbulkan ketakutan di kalangan mereka sehingga menyebabkan mereka melarikan diri. Selepas beberapa minggu kejadian tersebut, maklumat risikan menyatakan bahawa 10 orang anggota PULO telah menimbulkan kekacauan dan menyebarkan khabar angin⁴⁷ di Malaysia mengenai keganasan yang berlaku di Selatan Thailand. Kejadian seterusnya berlaku di Kampung Rahan wilayah Narathiwat apabila seorang imam di tembak mati ketika dalam perjalanan pulang ke rumahnya setelah selesai menunaikan solat isyak di surau berdekatan. Keadaan yang meruncing ini menjadi persoalan apabila kesanggupan sekumpulan wanita dan kanak-kanak membuat benteng manusia agar tidak membenarkan pihak berkuasa memasuki kawasan kampung mereka.

⁴⁶ *Tahanan Tunjuk Perasaan Cerita Kezaliman Tentera Thailand* (2004) [Online]. [Akses 20 Julai 2004]. Boleh diperolehi melalui laman layar:

http://berjuang.netfirms.com/Dalam_22.htm

⁴⁷ *Bangkok tuduh PULO punca 131 'lari' ke Malaysia*(2005) [Online]. [Akses 9 September 2005]. Boleh diperolehi melalui laman layar:

Peningkatan jumlah insiden yang semakin tidak terkawal ini memaksa pihak kerajaan menyambung akta darurat setiap tiga bulan sekali dengan beberapa pengubahsuaian pendekatan pengurusan konflik yang lain mengikut perkembangan situasi konflik.

1.1.4 Sorotan Karya

Sebelum ini konflik di Selatan Thailand adalah berkisar kepada isu pemisahan dan kemerdekaan⁴⁸. Kenyataan ini dipersetujui oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Daud, Ketua Majlis Agama Islam wilayah Patani semasa ditemubual di pejabatnya pada 8 Ogos 2006. Dalam kenyataannya lagi, beliau menyatakan tunas-tunas ke arah itu dapat dilihat apabila munculnya beberapa gerakan pemisah yang dianggotai oleh OMIP. Antaranya Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN), *Pattani United Liberation Organization* (PULO), Barisan Revolusi Nasional Pembebasan Patani (BNPP), Barisan Bersatu Mujahidin Patani (BBMP), *United Front for the Independence of Pattani* (Bersatu), *Mujahideen Pattani Movement* (BNP) dan beberapa gerakan kecil yang lain. Pemberontakan untuk pemisahan ini dilaksanakan kerana OMIP merasakan bumi mereka dijajah, identiti mereka diasimilasi, agama mereka dicabuli, bangsa mereka didiskriminasi dan hasil bumi mereka diselenggara oleh kerajaan Bangkok. Dasar Rathaniyom yang diperkenalkan oleh Phibul Songkhram pada 1939 merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan Siam untuk mengubah identiti seluruh rakyatnya menjadi Siam dan beragama Buddha⁴⁹. Meskipun begitu, perjuangan untuk menuntut kemerdekaan bukan sesuatu laluan yang mudah. Hal ini kerana, penguasaan kerajaan Thailand ke atas Patani sudah

⁴⁸Overland, M.A. (2007) *Thai Military Government Warn of Muslim Threat to Infiltrate Universities. The Chronicle of Higher Education*. [Online]. Vol.53,Iss.24, [Akses 26 Mac 2007]. P.A.47. Boleh diperolehi melalui laman layar <http://proquest.umi.com/pqdweb?>

⁴⁹Nik Anuar, N.M., *op.cit.*

sekian lama dan senario politik dunia sekarang yang berubah menjadi faktor utama kepada kegagalan ini. Namun, OMIP tetap juga berusaha untuk berpisah dari negara Thailand walaupun melalui pelbagai cara. Justeru itu, konflik yang berlarutan sejak berabad lama ini akan berterusan dan tiada pihak yang menjamin ianya dapat diselesaikan dalam masa terdekat ini.

Selepas sahaja insiden 4 Januari 2004 berlaku, konflik ini mendapat perhatian ramai sama ada pihak kerajaan, akademik, *Non-Government Organizations* (NGOs) dan orang awam. Berserta dengan itu banyak penulisan dan penyelidikan telah dijalankan bagi mengenalpasti transformasi yang berlaku. Antaranya Chaiwat Satha Anand⁵⁰, *Director of Peace Information Center, Foundation for Democracy and Development Study, Faculty of Polical Sciences, Thammasat University, Bangkok*. Beliau adalah seorang pengkaji tentang konflik dan perdamaian yang telah banyak menghasilkan penulisan tentang konflik yang berlaku di Selatan Thailand, termasuk tentang mangsa yang menjadi sasaran serangan keganasan. Wujud *trend* baru terhadap mangsa yang menjadi sasaran keganasan. Sebelum ini orang awam yang berbangsa Siam yang menjadi mangsa. Menjelang tahun 2003, serangan telah berubah yang mana anggota polis pula menjadi mangsa. Manakala pada tahun 2004, tentera dan sami Buddha dijadikan sasaran. Dari segi aktornya pula, sebelum ini memang jelas gerakan pemisah yang terlibat dalam satu-satu serangan, namun hari ini beliau menyatakan sukar untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab. Tiada pihak yang tampil untuk bertanggungjawab ke atas insiden yang berlaku. Tambahan pula, pihak lain seperti penjenayah mengambil kesempatan untuk menghuru-harakan lagi keadaan atas dasar kepentingan kelompok mereka. Melihat kepada senario ini, beliau mencadangkan agar diangkat peranan masyarakat sivil

⁵⁰ Chaiwat. S.A. (2004) *Facing the Demon Within: Fighting Violence in Southern Thailand with Peace Culture* [Online]. [Akses 3 Februari 2005]. Boleh diperolehi melalui Laman Layar: http://www.transnational.org/SAJT/forum/meet/2004/Satha-Anand_Thailandpeace.html

supaya dapat membantu rakyat meningkatkan lagi kefahaman terhadap perbezaan agama, etnik dan budaya serta saling menghormati antara satu sama lain⁵¹.

Selain itu Aurel Croissant⁵² dalam artikelnya cuba menjawab tentang penjenisan konflik, sebab musabab kepada peningkatan keganasan, mereka yang berada dibelakang keganasan tersebut, cara kerajaan mencegah gelombang peningkatan pemberontak dan kesan daripada sistem pentadbiran yang diamalkan di wilayah selatan Thailand. Jawapan daripada persoalan yang dikemukakan itu beliau menyatakan bahawa konflik yang berlaku di tiga wilayah Selatan Thailand adalah konflik pemisah. Beliau menyenaraikan beberapa nama gerakan pemisah yang terlibat. Antaranya ialah Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR) dan BNPP. Manakala gerakan-gerakan lain tidak disebut secara jelas walaupun dinyatakan terdapat 40 organisasi gerakan pemisah ditubuhkan. Manakala sasaran serangan gerakan pemisah ini selalunya tertumpu di wilayah Patani, Narathiwat dan Yala manakala wilayah lain tidak menampakkan kekerapan. Beliau membuat perbandingan tentang kekerapan insiden di tiga wilayah ini antara tahun 1993 hingga 2004. Insiden sebelum tahun 2001 adalah 21 peratus sahaja yang berlaku berbanding 79 peratus berlaku selepas 2001 hingga tahun 2004. Selain itu, terdapat beberapa perkara yang menjadi punca kepada kemunculan konflik selepas tahun 2004, antaranya beliau menyatakan struktur dan situasi persekitaran yang mana membolehkan penganas bertindak. Tiada kawalan yang ketat serta pelaksanaan

⁵¹ Selain itu Chaiwat Santha Anand menghasilkan artikel-artikel lain tentang konflik di selatan Thailand seperti '*Deflection on What Happened in Southern Thailand*' yang ditulisnya pada 11 May 2004 dalam laman layar http://www.transcend.org/t_database/articles.php?ida=616, '*Fostering "Authoritarian Democracy" with Violence*' yang ditulisnya pada 24 September 2004 dalam laman layar http://www.transcend.org/t_database/printarticle.php?ida=628, dalam bukunya berjudul *Islam and Violence: A Case of Violent Events in Four Southern Provinces, Thailand 1976 – 1981*, yang dikeluarkan pada 1987 dan diterbitkan oleh *University of South Florida*, dan banyak lagi.

⁵²Croissant. A. (2005) *Unrest in South Thailand: Contours, Causes, and Consequences Since 2001*. *Contemporary Southeast Asia*. [Online]. Vol.27, Iss 1, [Akses 10 Jun 2005] P. 21 hingga 23. Boleh diperolehi melalui laman layar: <http://proquest.umi.com/pqdweb?index=1&did=835087021&SrchMode=1&sid=2&Fmt=4&clientId=27905&RQT=309&VName=PQD>

undang-undang yang lemah. Kedua, beliau menyatakan elemen-elemen seperti sejarah, ekonomi, sosial, budaya dan politik yang tidak dititikberatkan oleh kerajaan memberi peluang kepada pemberontak untuk membuat keputusan menghalang atau meneruskan keganasan.

Penulis lain seperti Surin Pitsuwan⁵³ dalam tesisnya melihat kepada sejarah latar belakang konflik, usaha orang Melayu untuk mendapatkan status autonomi, aturan-aturan yang diperkenalkan oleh kerajaan kepada ulama, usaha dan langkah kerajaan Thailand dalam mengintegrasikan rakyat selatan dan juga menyentuh tentang kejadian-kejadian konflik yang melibatkan keganasan. Kesimpulan daripada penulisannya, Surin menyatakan bahawa usaha kerajaan Thailand untuk menyatukan kumpulan minoriti khususnya OMIP dengan masyarakat Siam Buddha perlu dilaksanakan secara serius. OMIP sebelum ini yang mengalami peristiwa pahit dibawah pemerintahan kerajaan Thailand apabila berlaku penaklukan seterusnya berlaku penekanan dan pemaksaan menyukarkan lagi keadaan. Tambahan pula segala hasil bumi di wilayah OMIP telah diselenggarakan oleh kerajaan di Bangkok tanpa memberi pembangunan sepenuhnya kepada wilayah tersebut. Selain itu, Wan Abdul Kadir Che Man⁵⁴, bekas ketua *United Front for the Independence of Pattani* (BERSATU) dalam bukunya membuat perbandingan antara konflik pemisah yang berlaku di Selatan Filipina dan Selatan Thailand. Beliau mengulas tentang sosio-ekonomi, budaya dan politik kedua-dua tempat serta penindasan oleh pemerintah dan siri perjuangan untuk kemerdekaan.

⁵³ Surin. P. (1982) *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay-Muslim of Southern Thailand*. In partial fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy in the subject of political science and Middle Eastern Studies, Harvard University, Cambridge, Massachusetts.

⁵⁴ Wan Kadir, C. M. (1990) *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*. New York: Oxford University Press.

Terdapat juga penulisan tentang pensejarahan Patani. Antaranya Mohd Zamberi A. Malek⁵⁵ seorang pensyarah sambilan di Universiti Malaya mengupas tentang kelahiran awal tamadun Melayu Patani dan latar belakang sejarah kejatuhan Patani disamping menceritakan tentang identiti dan budaya yang menjadi amalan OMIP. Berserta dengan itu juga beliau menghuraikan serba sedikit tentang kegiatan ekonomi dan politik yang dimainkan oleh penduduk tempatan serta dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan Thailand dalam menguruskan pemerintahan di wilayah selatan, terutamanya usaha kerajaan Thailand membentuk perpaduan dan integrasi kaum. Dalam pelaksanaan dasar tersebut, berlaku beberapa siri penindasan terhadap masyarakat setempat. Manakala diakhir penulisannya ada juga menyentuh tentang kemunculan gerakan-gerakan pemisah, ahli-ahli yang terlibat dan peristiwa-peristiwa pemberontakan dan konflik. Selain itu, tulisan-tulisan lain seperti Ahmad Fathy al-Fatani⁵⁶ juga menceritakan tentang kisah-kisah sejarah Patani dan perjuangan OMIP. Beliau juga menyusun kronologi Patani dari awal pembentukannya sehingga tewas dan jatuh ke tangan kerajaan Siam. Berserta dengan itu, beliau mengulas tentang dasar pecah dan perintah dan pemaksaan oleh kerajaan Siam menyebabkan kebangkitan OMIP berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan. Kematian ketua-ketua pemberontak juga menjadi isu menarik dalam buku ini apabila diceritakan tentang langkah-langkah kerajaan untuk menguasai OMIP dengan membunuh ketua-ketua OMIP yang berpotensi untuk melawan kerajaan. Pada pengakhiran buku tersebut beliau mendedahkan tentang pertubuhan-pertubuhan yang bergerak di dalam dan luar Patani sepanjang perjuangan mereka.

⁵⁵ Mohd Zamberi, A.M. (1993)),*op.cit.*

⁵⁶ Ahmad Fathy al-Fatani. (1994) *Pengantar Sejarah Patani*. Pustaka Darussalam, Alor Setar.

Penulisan sejarah Patani turut dibuat oleh Nik Anuar Nik Mahmud⁵⁷ yang bertajuk '*Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*'⁵⁸. Penulisan beliau juga cenderung kepada susunan kronologi peristiwa yang berlaku pada tahun 1785 sehinggalah 1954. Sementara itu, beliau turut menyelitkan tentang tragedi-tragedi yang berlaku sepanjang konflik berlangsung. Perjuangan orang Melayu Patani yang dipaparkan dalam buku ini turut melibatkan peranan pihak British yang mentadbir Tanah Melayu dan tindak balas penduduk Tanah Melayu serta pengaruh perang Dunia II terhadap konflik yang berlaku. Usaha yang dijalankan oleh penduduk tempatan di Patani mendapat tentangan hebat oleh kerajaan Siam dengan melaksanakan beberapa dasar yang berbentuk pemaksaan ke arah intergrasi dan asimilasi. Disamping itu, Ibrahim Syukri⁵⁹ juga menghasilkan buku yang seakan sama versi dengan karya Nik Anuar Nik Mahmud. Bukunya yang berjudul '*Sejarah Kerajaan Melayu Patani*' yang menggunakan bahasa Melayu lama dan kebanyakannya menggunakan perkataan-perkataan sastera yang sedikit kekok untuk difahami. Dalam bukunya menceritakan tentang politik, corak hidup dan kisah perjuangan orang Melayu Patani bermula apabila kedatangan agama Hindu di semenanjung Tanah Melayu hingga penaklukan kerajaan Siam⁶⁰.

Justeru itu, semenjak kemunculan kembali konflik di Selatan Thailand pada tahun 2004, ramai pihak berminat menulis tentang konflik yang berlaku. Namun,

⁵⁷Nik Anuar, N.M., *op.cit.*

⁵⁸ Buku ini dijadikan panduan oleh orang Melayu Patani dan gerakan pemisah untuk mengekalkan sejarah keagungan perjuangan mereka memandangkan tidak ramai yang menulis tentang pensejarahan Patani. Keseluruhan buku ini menghuraikan tentang asal-usul pembentukan negeri Patani dan keagungannya, kemerosotan dan kejatuhan negeri Patani ke tangan kerajaan Siam dan menceritakan tentang perjuangan orang-orang Melayu terdahulu untuk mengembalikan kemerdekaan ke atas negeri Patani dari taklukan kerajaan Thai. Keseluruhan tulisan dalam buku ini boleh diperolehi melalui laman layar http://fanzalika.tripod.com/malay/patani/kepala_%20sejarah.html

⁵⁹Buku ini dihasilkan oleh orang yang menggunakan nama samaran dan tiada siapa tahu dimana penulis ini berada. Tindakan ini disebabkan ancaman kerajaan Thailand yang akan menangkap sesiapa yang menulis tentang sejarah Patani. Buku ini pada masa sekarang telah diterbitkan semula oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dalam dua versi iaitu rumi dan jawi.

⁶⁰ Ibrahim, S., *op. cit.*, h. 15 – 122.